


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 NOVEMBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/korporat/2022/11/1022631/petronas-perluas-penyelesaian-lestari-ke-asia-barat>

PETRONAS perluas penyelesaian lestari ke Asia Barat



Mahpuzah (dua dari kiri) bertukar dokumen bersama CEO dan Pengasas Connex Systems Corporation, Hisashi Tsukamoto dalam satu acara di ADIPEC 2022 - Foto ihsan PETRONAS

KUALA LUMPUR: PETRONAS memperluaskan penyelesaian kelestariannya ke pasaran Asia Barat menerusi enam kerjasama pembekalan dan pengkomersilan baharu yang dimeterai pada Persidangan dan Pameran Petroleum Antarabangsa Abu Dhabi (ADIPEC) 2022, baru-baru ini.

Cabang pengkomersilan teknologinya, PETRONAS Technology Ventures Sdn Bhd (PTVSB), memeterai perjanjian komersial dengan Sigma Enterprises, syarikat Mazrui Energy Services untuk penggunaan teknologi SolidClenz dan ProAssure Wrap serta dengan Euro-Circuit Technology Sdn Bhd bagi membekalkan Bio-Solv, bahan kimia

berasaskan air yang lestari dan terbiodegradasi untuk aplikasi nyah endapan, nyah enap cemar, nyah cairan dan pembersihan.

SolidClenz ialah teknologi reka bentuk khusus yang digunakan untuk mengeluarkan mendapan pepejal untuk telaga, saluran paip dan penukar haba bagi meningkatkan aliran telaga dan meningkatkan pengeluaran, manakala ProAssure Wrap ialah sistem pembaikan saluran paip yang berasaskan bahan komposit kekuatan tinggi.

PETRONAS dalam satu kenyataan berkata, PTVSB juga menandatangani Perjanjian Induk (HOA) dengan Petrofac untuk mempertimbangkan pilihan bagi pengkomersialan elektroliser Proton Exchange Membrane (PEM) proprietari PETRONAS untuk pengeluaran hidrogen.

Seterusnya, PTVSB telah memeterai HOA dengan SEDC Energy Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak untuk bukan saja menubuhkan kilang pemasangan PEM di Sarawak bagi menyokong permintaan yang semakin meningkat untuk elektrolisis PEM di seluruh dunia, tetapi juga untuk meneroka penggunaan teknologi hidrogen hijau yang lain di Sarawak serta wilayah lain.

Selain itu, PTVSB menandatangani HOA dengan Kumpulan Aerodyne untuk meneroka pengaturan pengkomersialan mengenai penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi dan penyelesaian yang dibantu dronnya, memfokuskan pada dron berkuasa hidrogen, pengesanan kebocoran metana, sistem penghantaran dron pelbagai muatan berskala besar, dron bersarang, dan pengurusan trafik tanpa pemandu PETRONAS.

Syarikat itu juga memeterai memorandum persefahaman dengan Connexx Systems Corporation untuk meneroka penggunaan formulasi graphene PETRONAS untuk bateri, bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk kecekapan bateri yang lebih tinggi seiring dengan peningkatan kenderaan elektrik.

Naib Presiden Kanan Penyampaian Projek dan Teknologi PETRONAS, Datuk Bacho Piong, berkata pihaknya teruja untuk memasuki pasaran Asia Barat dan bekerjasama dengan rakan kongsi baharu untuk meluaskan jangkauan inovasi PETRONAS.

Beliau berkata, ia supaya lebih banyak syarikat dan pelanggan mendapat manfaat daripada penyelesaian yang mempunyai ciri-ciri selamat, bertanggungjawab, kos dioptimumkan, dan pengurangan pelepasan sama seperti penawaran tenaga PETRONAS.

"Kami yakin untuk mencipta impak bernilai tinggi dan meluas yang menyokong matlamat kemampuan bersama untuk masa depan karbon rendah, sambil penyelesaian kami menjana perniagaan dan kemajuan bahan api," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PTVSB, Dr Mahpuzah Abai, berkata PETRONAS mempunyai lebih 400 teknologi yang dikomersialkan dan 4,000 harta intelek sedia sebagai penyelesaian untuk rakan kongsi dan pelanggan.

"Dalam menyokong peralihan global ke arah masa depan tenaga rendah karbon, teknologi adalah kunci - itulah sebabnya PETRONAS bersemangat menawarkan

penyelesaian inovatif terutamanya mengenai penyahkarbonan, pilihan tenaga yang lebih bersih dan kecemerlangan operasi yang mengurangkan jejak karbon.

"Kami memanfaatkan kuasa inovasi untuk menghasilkan masa depan yang mampan, dan kami menyeru agar sinergi yang lebih besar dengan rakan kongsi yang sefahaman, yang mana kami boleh memanfaatkan potensi inovasi ini bersama-sama untuk memperkayakan kehidupan," katanya.